



[AKADEMIK \(/akademik-15\)](#) [PENYELIDIKAN \(/penyelidikan-3\)](#) [JARINGAN \(/jaringan-16\)](#) [ANTARABANGSA \(/antarabangsa-2\)](#)
[PERKHIDMATAN \(/perkhidmatan-19\)](#) [KEHIDUPAN KAMPUS \(/kehidupan_kampus-18\)](#)

(/) » [BERITA \(/BERITA\)](#) » UPM-KWAP rangka kerjasama wujudkan pesara produktif

[Senarai Berita \(/berita\)](#)

UPM-KWAP Rangka Kerjasama Wujudkan Pesara Produktif



KUALA LUMPUR, 26 Mei – Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing) Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi mewujudkan jalinan kerjasama dalam usaha menggalakkan persaraan yang produktif dan meningkatkan kualiti kehidupan bagi warga yang mencapai usia bersara di negara ini, bermula dengan bakal pesara kakitangan kerajaan dan yang telah pesara.

Ketua Pegawai Esekutif KWAP, Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad berkata MoU itu penting dalam mewujudkan perkongsian pengetahuan dan penyelidikan bagi memudahkan perkongsian idea yang disokong melalui penyelidikan yang dijalankan.

"Sehubungan itu, idea ini boleh diguna ke arah meningkat dan memperbaiki dasar, produk, atau perkhidmatan yang wujud sekarang berkaitan persaraan dan golongan berusia yang produktif. Ia penting lebih-lebih lagi kerana bilangan pesara kerajaan yang bertambah dan jangka hayat usia manusia yang lebih panjang daripada sebelum ini. Pada akhir 2016, terdapat hampir 480,000 pesara di seluruh negara, dan bilangan ini dijangka mencapai 600,000 pada 2020.

"Oleh itu, penting bagi KWAP untuk mewujudkan keupayaan penyelidikannya dalam bidang yang membabitkan persaraan dan mereka yang berusia untuk mengumpul maklumat dan memberikan kepada kita asas yang kukuh bagi perancangan masa depan. Melalui kerjasama strategik dengan institusi ulung seperti MyAgeing, kita semakin hampir kepada matlamat ini," katanya.

Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris pula berkata MoU itu adalah permulaan yang positif bagi UPM dan KWAP untuk bekerjasa pada masa depan dalam bidang membabitkan kepentingan bersama antara kedua-dua pertubuhan.

"MoU ini akan meningkatkan aktiviti kerjasama, penerbitan dan penyelidikan dalam perkara membabitkan pesara dan golongan berusia terutamanya dalam bidang kewangan, kesihatan, perlindungan insurans dan motivasi yang boleh meningkatkan kesejahteraan pesara kerajaan," katanya.

LIHAT JUGA



Pelajar UPM jana pendapatan tertinggi dalam program Be\$MART
[\(/berita/pelajar_upm_jana_pendapatan_tertinggi_dalam_program_be%252524mart-31525\)](#)



UPM-KWAP rangka kerjasama wujudkan pesara produktif
[\(/berita/upm_kwap_rangka_kerjasama_wujudkan_pesara_produkif-31524\)](#)



Lengkapan diri untuk sentiasa relevan: Naib Canselor
[\(/berita/lengkapan_diri_untuk_sentiasa_relevan_naib_canselor-31515\)](#)



Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan

1800 22 5587
 +603 8948 7273
 marketing@upm.edu.my (<mailto:marketing@upm.edu.my>)

Pengarah MyAgeing UPM, Prof. Dr. Tengku Aizan Hamid berkata dengan fokus adalah terhadap kebaikan dan kehidupan yang dilalui kakitangan dan pesara kerajaan, MoU itu sebenarnya adalah satu perkembangan menarik kerana ia mengiktiraf kredibiliti institusi ini dalam bidang gerontologi.

BM

"Ia menandakan permulaan kepada hubungan simbiotik jangka panjang yang kita kongsikan antara kedua-dua institusi ini, yang menawarkan banyak peluang. Kita akan bekerjasama rapat dengan KWAP," katanya.

Melalui MoU berkenaan, kedua-dua institusi akan berkongsi pengetahuan, maklumat, dan kepekaran berkaitan perancangan persaraan, khususnya dalam konteks sosio-ekonomi, kewangan, penjagaan kesihatan, sosial dan psikologikal, serta keadaan kehidupan ke arah mencapai matlamat kerjasama itu.

Fasa awal MoU itu akan menyaksikan kedua-dua organisasi memulakan program penyelidikan untuk memastikan tahap persediaan persaraan bagi bakal pesara dan merintis satu pendekatan bagi mewujudkan golongan berusia yang produktif di kalangan pesara di Lembah Klang.

Pendekatan ini menggunakan data spesifik ekonomi untuk mengukur sumbangan pesara untuk ekonomi dan masyarakat seluruhnya, serta untuk mengenalpasti faktor yang meningkatkan nilai produktif golongan berusia.

Hasil penyelidikan itu dijangka akan mengetengahkan input penting yang boleh digunakan oleh KWAP bagi meningkatkan keberkesanan program 'financial outreach' serta merangka inisiatif nilai tambah yang lain yang akan meningkatkan lagi kehidupan dan kebaikan pesara.

Pada peringkat kebangsaan, hasil penyelidikan itu adalah penting dan boleh menjadi pemangkin untuk kerajaan dan pemegang taruh yang lain dalam memperbaiki dasar semasa atau merangka dasar baharu untuk memudahkan golongan yang berusia di Malaysia yang semakin bertambah bilangannya dalam membuat persediaan untuk menjalani kehidupan selepas bersara. - UPM



Kemaskini:: 31/05/2017 [hairul_nizam]

PERKONGSIAN MEDIA

HUBUNGI KAMI	PERKHIDMATAN DALAM TALIAN	PAUTAN LUAR	PAUTAN PANTAS
Universiti Putra Malaysia 43400 UPM Serdang Selangor Darul Ehsan MALAYSIA  1800 22 5587  +603 8948 7273  marketing@upm.edu.my	KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home) Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/) Sistem Permoholesan ke Luar Negara (http://spln.upm.edu.my/) Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/) Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/) Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/) Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/) Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/) i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp) i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my/j2ee/portal/login.jsp) Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)	Kementerian Pendidikan Malaysia (http://www.moe.gov.my/) Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my) 1Malaysia (http://www.1malaysia.com.my) Multimedia Super Corridor (http://www.mscomalaysia.my) Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/en/home) Agenzi Kelayakan Malaysia (http://www.mqa.gov.my/)	FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti) Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/etender) Tender & Kontrak (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/8202) Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/8202) Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/D) Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/) Dana Wakaf Ilmu (http://www.fund4knowle) Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/k) Poliklinik Putra Medik (http://www.upm.edu.my/kandungan/Poliklin)

[Dasar Privasi \(/footnote/dasar_privasi-29949\)](#) [Hakcipta \(/footnote/hakcipta-29950\)](#)
[RSS \(/footnote/rss-29951\)](#) [Penafian \(/footnote/penafian-29938\)](#)
[Bantuan \(/footnote/bantuan-29937\)](#)
[Dasar Keselamatan \(/footnote/dasar_keselamatan-29939\)](#)

© 2017 Universiti Putra Malaysia



LANGGAN MELALUI EMAIL HANTAR

BM

